


THE GREAT GENDER DEBATE 2011
9-13 NOVEMBER 2011
Piala Shaheiziat Abdul Jalil

Wang Tunai untuk Dimenangi!
Juara: RM7,000 dan Trofi
Naib Juara: RM3,500 dan Trofi
Pendebat Terbaik (MHE): RM600 dan Trofi
Pendebat Terbaik (Keseluruhan): RM300 dan Trofi

"LIKE"
facebook kami dan anda berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah menarik!
www.newgreatgenderdebate.com

info@HEPA 
Pasukan Debat Unimap Kian Meningkatkan Di

"THE GREAT GENDER DEBATE 2011"

Oleh: Pn. Sayang Nurshahrizleen Ramlan



(format
Parlimen British)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NIEW), telah menganjurkan pertandingan debat antara Institusi Pengajian Tinggi iaitu The Great Gender Debate 2011 (TGGD) pada 9 November 2011 hingga 13 November 2011 bertempat di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

TGGD ini bertujuan untuk memastikan pengintegrasian wanita dalam segenap aspek pembangunan seperti yang terkandung di dalam Dasar Wanita Negara 2009. Selain itu, ia juga boleh dijadikan sebagai platform untuk berkongsi ilmu dan pandangan serta mendedahkan para belia khususnya golongan pelajar mengenai isu-isu berkaitan gender di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. Program seumpama ini amat perlu diadakan sebagai wadah kepada generasi muda untuk berbincang dan berbahas mengenai isu gender sedia ada agar mereka sedar peranan dalam memikul amanah memimpin negara pada masa depan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, program itu tidak hanya ditujukan kepada golongan mahasiswi tetapi juga kepada orang ramai yang turut mendengar bagi mendidik dan memberi kesedaran betapa pentingnya mewujudkan pewaris negara yang berkualiti. Shahrizat berkata, wanita kini dianggap sebagai pemangkin kepada kemajuan dan perpaduan negara dan adalah penting bagi kerajaan untuk memastikan potensi golongan ini sentiasa dipertingkatkan dan tidak hanya berpuas hati dengan sasaran 30 peratus wanita sebagai pembuat dasar.

Pertandingan terbahagi kepada dua kategori iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Format pertandingan debat bagi kategori Bahasa Melayu adalah dalam Ala Parlimen Malaysia manakala Bahasa Inggeris pula dijalankan dalam bentuk Parlimen British. Sebanyak 44 pasukan dari 15 institusi pengajian tinggi awam dan 7 institusi pengajian tinggi swasta telah menyertai pertandingan kali pertama itu. Para hakim yang dilantik untuk mengadili pertandingan ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dari Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Pensyarah-pensyarah dari institusi pengajian tinggi. Pertandingan yang berlangsung selama lima hari itu menawarkan wang tunai keseluruhan berjumlah RM26,600.

Bagi pasukan debat UniMAP, penyertaan pada kali ini terus mencatat peningkatan demi peningkatan berbanding pertandingan-pertandingan sebelumnya. Pasukan debat Bahasa Melayu UniMAP berjaya mara ke pusingan suku akhir bertemu UM namun akhirnya tewas dengan margin tipis 3 dan juri 5-0 lalu menempatkan kedudukan pasukan pada tangga ke-7 daripada 28 pasukan. Pendebat terbaik liga dimenangi oleh pendebat UniMAP yang dibarisi oleh Umahwaty Sundaraju (4 kali), Mas Idayu Saidin (1 kali) dan Syamir Alihan Showkat Ali (1 kali).

Manakala pasukan debat Bahasa Inggeris UniMAP pula berjaya mara ke pusingan separuh akhir bertemu pasukan UIAM 1, USM & UMT 1

namun turut tewas lalu menempatkan pasukan pada tangga ke-8 daripada 16 pasukan. Pasukan debat Bahasa Inggeris UniMAP dibarisi oleh Sumeshini Subramaniam, Wan Anis Yasmin Wan Yusoff, Hari Kishander Hari Sundar dan Maryam Sakinah Zulkurnain (hakim).

Pada program buat julung kali diadakan itu, Universiti Malaysia Pahang (UMP) muncul juara manakala naib johan dimenangi Universiti Malaya dan bagi kategori Bahasa Inggeris pula dimenangi Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di tempat kedua. Johan program TGGD 2011 masing-masing menerima hadiah wang tunai RM7,000, piala pusingan, sijil serta buku manakala naib johan RM3,500, piala, sijil serta buku. Pendebat terbaik Bahasa Melayu dimenangi Siti Aishah Mustapha dari UMP manakala bagi kategori Bahasa Inggeris dimenangi Maizura Mokhsin dari UiTM dan masing-masing membawa pulang RM500.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah itu dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini menyaksikan kehadiran lebih dari 1500 orang pengunjung yang terdiri daripada para pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta dari seluruh negara. Turut hadir sama menyaksikan pertandingan ini ialah Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu, Prof. Dato' Dr. Aziz bin Deraman, Pengarah NIEW, Tan Sri Datuk Dr. Rafiah Salim dan para dif-dif kehormat yang lain.

RINGKASAN KEPUTUSAN PERTANDINGAN TGGD 2011

Pusingan Akhir BM

JOHAN : Universiti Malaysia Pahang (UMP)
NAIB JOHAN : Universiti Malaya (UM)
Juri : 6-1
Usul : "Perluakah Kuota Gender di IPTA diperkenalkan."

Pusingan Akhir BI

JOHAN : Universiti Teknologi MARA (UiTM)
NAIB JOHAN : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Juri : 7-0
Usul : "This House Would Legislate Mandating Minimum 30% Female Quota in Corporate Decision Making Posts."